



# **MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGONG TAHUNAN KALI KE 24 KOPERASI PEKEBUN KECIL DAERAH PONTIAN BERHAD**

**OLEH:**

**YG. BHG. DATO' MOHAMMAD IZAT HASAN**  
KETUA PENGARAH RISDA MEWAKILI YB MENTERI KKLW

DEWAN JUBLI INTAN, PONTIAN, JOHOR  
30 JUN 2008  
3.00 PETANG

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yang Berbahagia ..... ( Pengerusi Baru)  
Pengerusi Koperasi Pekebun Kecil Daerah Pontian Berhad

Yang Berhormat Datuk Ir. Hj. Hasni bin Hj. Mohammad  
Ahli Dewan Undangan DUN Benut merangkap Ketua UMNO  
Bahagian Pontian

Yang Berhormat Datuk Md. Osman bin Yusof  
Ahli Dewan Undangan DUN Kukup merangkap Ketua UMNO  
Bahagian Tanjung Piai

Yang Berbahagia En. Kaab bin Alias  
Pengarh RISDA Negeri Johor

Yang Berbahagia Tn. Hj. Mislan bin Karmani  
Pegawai Daerah Pontian

Yang Berusaha En. Mohamed Hapiz bin Othman  
Wakil Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Johor

Ketua-Ketua Jabatan,

Barisan Ahli Lembaga Koperasi Pekebun Kecil Daerah Pontian  
Berhad yang baru

Pegawai-Pegawai RISDA

dan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan ahli Koperasi yang  
dikasihi sekalian.

3

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

## **1.0 PENGHARGAAN**

Marilah kita sama-sama bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya, dapat kita hadir bersama-sama dalam Majlis Perasmian Mesyuarat Agong Tahunan Koperasi Pekebun Kecil Daerah Pontian Berhad atau ringkasnya KEPAK. Terlebih dahulu saya ingin menyampaikan salam daripada Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Muhammad bin Muhammad Taib, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

4

yang tidak dapat hadir pada hari ini kerana mempunyai tugas rasmi Kementerian yang lebih penting. Bagi pihak YB Menteri, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada pengurusan KEPAK kerana dapat mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan kali ke 24 dalam tempoh yang ditetapkan. Dan ucapan tahniah juga diatas perlantikan pengerusi, timbalan pengerusi, setiausaha dan beberapa ahli lembaga koperasi yang dilantik dalam mesyuarat agung pada pagi tadi.

**Tuan-tuan dan Puan-Puan sekalian,**

5

## **2. Matlamat Penubuhan Koperasi Pekebun Kecil**

Dalam era tahun 1980\_an, pengurusan RISDA telah memikirkan satu badan yang boleh menyatukan masyarakat pekebun kecil serta mempunyai kepentingan bersuara dalam menjalankan kegiatan ekonomi. Dengan itu, tertubuhlah koperasi pekebun kecil yang rata-ratanya ditubuhkan dalam tahun tersebut untuk menaikkan taraf hidup dan membasmi kemiskinan di kalangan anggota terutama masyarakat pekebun kecil.

6

### **3. Konsep KPK Berdikari**

Setelah 27 tahun koperasi pekebun kecil ditubuhkan khususnya KEPAK yang ditubuhkan pada tahun 1981 pihak pengurusan RISDA berpendapat telah sampai masanya untuk semua KPK berdikari. Tempoh tersebut adalah satu tempoh yang cukup lama dalam mematangkan Koperasi dan seharusnya KPK mampu mengorak langkah untuk menguruskan dan menentukan hala tujunya sendiri.

7

Melalui konsep KPK berdikari ini, langkah terawal dimulakan dengan menarik balik semua kakitangan RISDA yang berkhidmat di KPK secara berperingkat. Semua KPK telah diarahkan untuk melantik staf dan pegawai baru terutamanya pengurus besar. Disinilah pentingnya pengurusan KPK melantik barisan pelapis yang bakal menerajui kepimpinan KPK dan mengurangkan kebergantungan kepada staf RISDA.

Tuan-tuan dan Puan-puan Ahli Koperasi yang dihormati.

8

#### 4. Perniagaan Teras Koperasi

Seiring dengan galakan KPK berdikari, setiap KPK juga disarankan agar mempunyai teras perniagaan sendiri dan mencari kontrak-kontrak perniagaan diluar selain menjalinkan kerjasama/smart partnership dengan anak syarikat RISDA dan Perkumpulan Wanita Pekebun Kecil atau PWPK. Koperasi perlu menetapkan perniagaan teras berdasarkan kekuatan dan kepakaran yang ada pada Koperasi. **Jangan terus bergantung kepada Projek-projek RISDA.** Sudah sampai masanya Koperasi keluar daripada kepompong RISDA dan mencari perniagaan

9

sendiri. KPK juga perlu mewujudkan lebih saluran networking di peringkat negeri dan daerah supaya dapat membina satu rangkaian pemasaran yang hampir kepada pelanggan dan penyaluran maklumat dapat disampaikan segera kepada pelanggan. Sebagai contohnya pengwujudan Koperasi Gabungan Negeri Johor yang dianggotai oleh semua KPK Negeri Johor adalah satu usaha bijak ke arah penyatuan KPK yang ada dalam membentuk rangkaian pemasaran.

## **5. Penglibatan Generasi Muda dalam Koperasi**

Penglibatan generasi muda dalam KPK juga harus ditekankan sebagai penyambung warisan dari pekebun kecil sediaada yang rata-ratanya telah lanjut usia dan uzur. Setiap KPK juga adalah disarankan untuk menambahkan keahlian sebanyak 50 orang setahun. Oleh itu, kempen-kempen penambahan ahli terutama di kalangan generasi muda haruslah diperhebatkan. Dalam tumpuan penambahan ahli bukan setakat kuantiti ahli sahaja yang perlu ditambah sebaliknya kualiti ahli juga perlu diambil berat terutamanya dari segi pertambahan saham anggota. Pertambahan

11

saham mungkin boleh dilakukan melalui beberapa cara seperti potongan jualan BTS, rebet jualan dan lain-lain. Selain itu, anggota sediaada perlu diaktifkan dengan menjalankan kursus-kursus kefahaman koperasi dengan ini dapat meningkatkan kesedaran tentang perlunya menjadi anggota dan peranan koperasi.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

## **6. Peningkatan Harga Minyak dan Barangan**

Dalam menghadapi cabaran perniagaan dan peningkatan harga minyak dan barangan baru-baru ini, KPK seharusnya bijak

12

mencari peluang-peluang perniagaan yang baru untuk menambah modal dan keuntungan. Kebolehan bersaing dalam era globalisasi dapat memastikan KPK mampu bersaing bagi mendapatkan perniagaan dengan pesaing yang semakin bertambah. Dengan sasaran keuntungan sebanyak RM300,000 adalah satu nilai yang bukan mustahil untuk dicapai sekiranya KPK dapat mengawal kos yang efektif dan pengurusan yang cekap serta bijak mengambil peluang kontrak-kontrak perniagaan dan perkhidmatan. Saya yakin usia KEPAK yang melebihi 20 tahun mempunyai banyak kekuatan dari segi modal, infrastuktur, saham mahupun bilangan

anggota dan kedudukan KPK yang telah lama bertapak di daerah ini.

## **7. Nilai Ketelusan dan Modal Insan**

Dari segi kecekapan pengurusan KPK harus mempraktikkan nilai-nilai koperasi selaras dengan prinsip dan amalan koperasi iaitu mementingkan nilai ketelusan. Setiap KPK juga perlu mewujudkan **kumpulan 'think tank'** bagi tujuan melahirkan idea-idea baru dalam pengurusan dan projek. Selain itu, aset KPK sedia ada perlu dipelihara. Terutamanya untuk pekerja dan anggota dimana

mereka seharusnya dipastikan dari segi kebajikan ditingkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui latihan dari masa ke semasa sepertimana yang termaktub dalam undang-undang kecil koperasi samada yang dianjurkan oleh KPK sendiri, RISDA mahupun pihak MKM.

## **8. Pencapaian KEPAK**

Pencapaian KEPAK setakat ini dimana keanggotaan hampir mencecah 5,000 orang adalah satu keyakinan dan kepercayaan masyarakat pekebun kecil Daerah Pontian khususnya terhadap

15

KEPAK. Ini juga adalah merupakan suatu aset atau kekuatan KEPAK untuk meyakinkan masyarakat pekebun kecil lain menganggotai koperasi. Saya difahamkan pada tahun ini bayaran dividen adalah sebanyak 8% iaitu peningkatan sebanyak 1% berbanding tahun sebelum. Tahniah saya ucapkan kepada KEPAK kerana dapat meningkatkan bayaran dividen ahli walaupun kurang 2% dari matlamat yang ditetapkan tapi saya yakin melihatkan kepada trend yang ada insyaAllah matlamat 10 % dividen akan dapat dibayar kepada anggota dalam tempoh terdekat. Saya doakan mudah-mudahan segala usaha murni yang dilaksanakan oleh KEPAK akan memberi manfaat kepada semua ahli-ahli

16



koperasi sekaligus meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat pekebun kecil.

## **9. Penutup**

Akhir kata, sekali lagi saya pihak YB Menteri KKLW, merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Pengerusi KEPAK serta ALP yang baru dilantik pagi tadi. Semoga barisan baru ini dapat memberi nafas baru kepada KEPAK untuk lebih maju lagi di masa hadapan. Saya mendoakan agar KEPAK akan terus maju dan meningkatkan perkhidmatan kepada ahli-ahlinya.

17

Dengan kata-kata itu dan dengan lafaz **bismillahirrahmanirrahim** saya bagi pihak YB Menteri KKLW merasmikan Mesyuarat Agong Koperasi Pekebun Kecil Daerah Pontian Berhad bagi kali ke 24.

**Sekian. Wabillahi taufik Walhidayah Wsb.**

18